

10 JAN 1996
Cuepacs-Tolak
CUEPACS MUNGKIN TOLAK PELARASAN GAJI

KUALA LUMPUR, 10 Jan (Bernama) -- Cuepacs akan menolak tawaran pelarasan gaji kakitangan awam jika pelaksanaannya tidak mengikut cadangan agihan yang telah dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Usul untuk menolak tawaran itu diluluskan sebulat suara pada Konvensyen ke-20 Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam itu yang masuk hari kedua di sini hari ini.

Setiausaha Agung Cuepacs A.A. Ponniah berkata kongres itu juga mahu kerajaan mengemukakan tawaran pelarasan itu terlebih dahulu kepadanya sebelum ia dilaksanakan.

"Jika kerajaan melaksanakan juga pelarasan gaji itu tanpa merujuk terlebih dahulu kepada Cuepacs, kita akan menolaknya secara rasmi," katanya kepada pemberita semasa konvensyen itu berhenti rehat.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semasa merasmikan konvensyen itu semalam meminta Cuepacs menerima tawaran kerajaan dan tidak terlalu keras menekan kerajaan dengan mengenakan syarat berhubung pelarasan gaji itu.

Dr Mahathir juga berkata formula untuk mengagihkan peruntukan RM2,000 juta bagi pelarasan gaji kakitangan awam itu seharusnya juga meliputi pegawai tinggi kerana mereka juga memberi sumbangan yang banyak.

Ponniah berkata suguhpun Cuepacs sebelum ini telah menerima peruntukan RM2,000 juta itu sebagai pelarasan gaji tetapi ia hanya akan diterima dengan syarat kerajaan mengikut cadangan agihan yang dikemukakan oleh kongres.

Beliau berkata walaupun kerajaan berhasrat untuk melaksanakan pelarasan gaji sebelum Hari Raya Puasa ia bukanlah sesuatu yang dimestikan.

"Kita sanggup tunggu walaupun selepas Hari Raya asalkan semua pihak terutamanya yang berpendapatan rendah mendapat keadilan daripada segi kenaikan gaji," katanya.

Ponniah berkata Cuepacs menganggap tawaran kerajaan untuk membayar pelarasan gaji sebelum Hari Raya sebagai satu "perangkap" bagi memaksa kongress itu menerima pelarasan gaji dalam keadaan tergesa-gesa.

Katanya Cuepacs masih sedia berunding dengan kerajaan meskipun jika pelarasan gaji itu ditolak nanti dan sanggup menunggu sehingga tercapainya keputusan yang adil dan memuaskan hati semua pihak.

Ponniah berkata penolakan seumpama itu bukan perkara baru kerana ia pernah berlaku dalam tahun 1985 apabila Cuepacs menolak satu tawaran kerajaan yang dilaksanakan tanpa merujuk dahulu kepada kongres itu.

Beliau berkata pada ketika itu Cuepacs telah mengadakan piket dan akhirnya kerajaan telah menjemput pihak kongres untuk berunding sebelum penyelesaian akhirnya tercapai.

Beliau berkata Cuepacs akan memberi mandat kepada majlis tertinggi yang akan dilantik untuk berunding dengan kerajaan bagi menyelesaikan perkara itu.

Ponniah berkata Cuepacs akan menghantar telegram kepada Dr. Mahathir dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mengenai pendirian yang telah diambil itu.

Beliau berkata Cuepacs tidak boleh "terus diperbodohkan" dalam hal ini kerana ia melibatkan maruah dan martabat 848,000 kakitangan sektor awam di seluruh negara.

Terdahulu anggota perwakilan telah membahaskan isu pelarasan gaji dengan hangat selama hampir dua jam sebelum meluluskan usul itu sebulat

suara.

Sementara itu pada sebelah petang ini sebanyak 900 anggota perwakilan daripada hampir 100 kesatuan gabungan akan mengundi bagi memilih pucuk pimpinan Cuepacs untuk tempoh tiga tahun akan datang. -- BERNAMA